



PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Berkenaan NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) adalah pihak berkuasa pembangunan wilayah yang bertanggungjawab untuk merangka hala tuju, dasar dan strategi berkaitan program pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Diperbadankan pada Jun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksana Koridor Utara 2008 (Akta 687), mandat utama NCIA adalah untuk mempromosikan dan mempercepat pembangunan NCER menjadi sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan untuk pelaburan, pekerjaan dan kediaman. NCIA akan terus memacu pertumbuhan NCER ke arah menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia dengan mengamalkan dan melaksanakan program pembangunan bernilai tambah tinggi dalam tiga sektor utama iaitu Pembuatan; Pertanian & Industri Bio dan Perkhidmatan. Subsektor kepada Perkhidmatan adalah Pelancongan; Logistik serta Kebolehubungan; dan Perkhidmatan Perniagaan Global.

PELAWAAN PENYERTAAN SEBAGAI PANEL PEMBEKAL/ APPROVED VENDOR LIST (AVL) NCIA

NOMBOR RUJUKAN	NCIA/2025/AVL/0002
TAJUK PELAWAAN	PANEL PEMBEKAL/ APPROVED VENDOR LIST (AVL) BAGI <u>PERKHIDMATAN PENGURUSAN MAJLIS</u> DI BAWAH PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA) <i>APPROVED VENDOR LIST FOR <u>EVENT MANAGEMENT SERVICES</u> UNDER THE NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY (NCIA)</i>
SYARAT PENDAFTARAN	NCIA dengan ini menjemput semua syarikat yang berkecenderungan untuk mendaftar dan mengisi permohonan bagi menjadi Panel Pembekal/ <i>Approved Vendor List</i> (AVL) untuk tahun 2026; seperti syarat berikut: 1. Pendaftaran AVL adalah dibuka sekali setahun pada tarikh yang diiklankan di laman web NCIA. 2. Semua maklumat yang diberikan mestilah tepat dan lengkap. Pendaftaran yang tidak lengkap akan ditolak secara automatik. 3. Pemilihan panel pembekal bagi perkhidmatan pengurusan majlis yang berkecenderungan dalam merancang, menganjur, dan melaksanakan majlis korporat serta awam, program dan penglibatan pihak berkepentingan. 4. Menyediakan perkhidmatan pengurusan majlis secara menyeluruh, memastikan penyelarasan yang lancar, pelaksanaan yang berkualiti, kecekapan kos serta pematuhan terhadap piawaian penjenamaan dan keselamatan.
SYARAT KELAYAKAN	1. Memiliki lesen perniagaan yang sah dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). 2. Pemohon akan dinilai melalui kriteria utama berikut: a) Mempunyai pengalaman dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan majlis bagi program rasmi, korporat atau agensi kerajaan. b) Mempunyai rekod prestasi yang baik serta keupayaan operasi dan sumber tenaga kerja yang mencukupi. c) Bersedia mematuhi semua syarat, peraturan dan dasar perolehan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).
CARA MEMOHON	Borang Pendaftaran Vendor (VRF) boleh dimuat turun melalui pautan kod QR di bawah bermula 7 NOVEMBER 2025 (JUMAAT) SEHINGGA 3 DISEMBER 2025 (RABU): 

Maklumat lain:

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang memenuhi syarat-syarat dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini.
2. Syarikat perlu membuat pendaftaran di [Pendaftaran Tender NCIA](#) atau melalui pautan kod QR yang disertakan di bawah. Syarikat yang telah mendaftar akan menerima pengesahan pendaftaran melalui e-mel yang telah didaftarkan berserta pautan untuk memuat naik Borang Pendaftaran Vendor (VRF).



3. Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui e-mel ke: tender.secretary@ncer.com.my / po.secretariat@ncer.com.my
4. Penyertaan sebagai Panel Pembekal / AVL ini tidak menjamin sebarang tawaran kerja atau kontrak, namun merupakan pra-kelayakan bagi pertimbangan dalam sebarang pelawaan perolehan oleh NCIA pada masa akan datang.
5. Penghantaran Borang Pendaftaran Vendor (VRF) adalah melalui kaedah berikut:
 - a) **Secara digital:**
VRF yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimuat naik di dalam fail **Submission Folder** melalui pautan yang telah diemelkan, **sebelum/pada jam 12 tengahari, pada 5 Disember 2025 (JUMAAT)**; dan
 - b) **Secara fizikal:**
VRF yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup, dengan tajuk dan nombor tender ditulis di bahagian kiri atas sampul surat, dan dihantar ke dalam Peti Tender (Tender Box) di alamat berikut **sebelum/pada jam 12 tengahari, pada 5 Disember 2025 (JUMAAT)**.

Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)

No.1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18
Penang Science Park,
14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang
Tel: +604 - 502 0708 Fax: +604 - 502 0194

Sampul tersebut perlu dilabelkan seperti di bawah:

**PANEL PEMBEKAL/ APPROVED VENDOR LIST (AVL) BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN MAJLIS
DI BAWAH PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

NO. RUJUKAN: NCIA/2025/AVL/0002

